

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan
Majlis Mesyuarat Negara masih lagi
membahaskan Rang Undang-Undang
(2024) Perbekalan, 2024/2025 yang
telah dicadangkan oleh Yang Berhormat
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan
Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita untuk
meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam
rang tersebut satu per satu, saya ingin
menangguhkan Persidangan Majlis
Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang
semula di Peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang
Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang
di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya
bagi menimbangkan Rang Undang-
Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025
untuk diteliti satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa pada
sebelah pagi tadi, kita telah mula
membahaskan dan meneliti Belanjawan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan
Pelancongan dan jabatan-jabatan
di bawahnya.

Bersama saya di sini masih lagi ada
senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang
suka untuk turut serta di dalam
membahaskan Tajuk Kementerian
Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
ini.

Maka saya sekarang mempersilakan
Yang Berhormat Dayang Hajah
Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

**Yang Berhormat Dayang Hajah
Rosmawatty binti Haji Abdul
Mumin:**

Terima kasih Yang Berhormat
Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Kaola mempunyai
dua soalan, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang pertama, penglibatan belia dalam
sektor pertanian dan agrimakanan.
Mengikut data, 79% pengusaha industri
pertanian dan agrimakanan adalah
mereka yang berumur 51 tahun ke atas.
Ini menunjukkan kurangnya penglibatan
para belia dalam sektor ini demi
mencapai salah satu agenda kebangsaan
dalam keterjaminan makanan (*food
security*).

Sukacita berterima kasih kepada
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan
Pelancongan yang telah menyusun
beberapa siri lawatan bagi Ahli-Ahli
Yang Berhormat ke tapak-tapak
pertanian di negara ini dan

الْحَمْدُ لِلَّهِ

banyak yang dapat dipelajari daripada lawatan tersebut.

Turut diambil maklum bahawa pelaburan adalah amat penting bagi melibatkan diri dalam bisnes pertanian dan agrimakanan dengan jumlah yang tinggi, melibatkan beratus ribu ringgit.

Persoalannya ialah mengenai perancangan bagi graduan-graduan yang mengikuti kursus pertanian Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE):-

1. Apakah perancangan bagi pelajar graduan ini selepas menamatkan kursus mereka?; dan
2. Apakah usaha atau inisiatif kerajaan bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran para graduan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya? Perkara ini mengambilkira Negara Brunei Darussalam masih jauh dalam mencapai kadar sara diri dalam bidang pertanian dan agrimakanan.

Mengambil kira status kewangan sebahagian graduan adalah ditahap minimum dan tidak mampu untuk memulakan perusahaan digital ini. Kaola mencadangkan supaya:-

1. Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan membuat satu projek *pilot*. Menubuhkan syarikat kerjasama dalam sektor pertanian yang menggunakan teknologi baru bagi pelajar dan atau mahasiswa yang menamatkan

pengajian. Pembiayaan awal bagi menubuhkan syarikat-syarikat tersebut akan dibantu oleh pihak-pihak berkenaan seperti *BEDB*, Bank Usahawan dan BIBD dengan menyediakan pinjaman wang dengan kadar sifar faedah pada tahun pertama dan faedah yang rendah pada tahun-tahun seterusnya.

Untuk memastikan kejayaan projek ini, perkembangan kerjasama ini hendaklah dipantau secara berterusan dan para graduan yang terlibat diberikan bimbingan-bimbingan seperti berikut:-

- i. Kemahiran teknikal daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kemahiran ekonomi daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi, *BEDB* dan *DARE*, daya tahan dan jati diri dengan menyertai *PKBN*; dan
- ii. Tentang *food security*. Kaola difahamkan bahawa Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mempunyai sebuah makmal *tissue culture* yang berpotensi untuk dikembangmajukan. Makmal tersebut pernah ditawarkan dalam tahun 2022 kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang berminat atau berpotensi dengan tujuan membekalkan anak-anak benih dari dalam negeri kerana ketika ini sebahagian besar benih-benih

tanaman adalah diimport dari luar negeri. Secara kasarnya, menghasilkan benih tanaman melalui *tissue culture* berpotensi mengeluarkan hasil dalam jumlah yang banyak, *mass propagation*. *Identical* dengan tanaman induk, berkualiti tinggi, seragam dan terjamin bebas dari serangan penyakit.

Antara komuniti yang dicadangkan untuk dihasilkan oleh *chili, tomatoes*, terung, pisang, nenas, *mushroom* dan orkid yang mana komoditi-komoditi ini mempunyai permintaan yang tinggi setiap tahun dan boleh menjana pendapatan yang lumayan dan keuntungan yang tinggi. Namun sehingga ini belum ada pengusaha yang tampil untuk mengambil alih makmal tersebut.

Dalam perkara ini, kaola mencadangkan agar makmal ini ditawarkan untuk dijalankan oleh lepasan graduan-graduan UNISSA dan *IBTE* dalam jurusan pertanian.

Startup costs diperolehi dari dana *grant CSR DARE, BEDB*, Bank Usahawan, Syarikat atau institusi kewangan yang lain.

Ini adalah antara usaha untuk memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada lepasan graduan dalam jurusan pertanian dan membantu pihak kerajaan mencapai keterjaminan makanan (*food security*).

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin berkenaan dengan 2 soalan yang diajukan:-

1. Penglibatan belia dan cadangan penubuhan syarikat kerjasama bagi lepasan graduan yang berkecimpung dalam pertanian dan yang kedua ialah berkenaan dengan makmal *tissue culture* yang mana dicadangkan untuk diusahakan oleh lepasan graduan. Sebenarnya berkenaan dengan penglibatan belia ini sudah abiskaola katakan tadi yang mana fokus Jabatan Pertanian ialah untuk melibatkan belia.

Dalam mukadimah kaola *stressed just now* bahawa belia ini penting, jadi, macam-macam sudah program disediakan untuk melibatkan belia, seperti projek Skim Belia Bertani. Kedua ialah, ini adalah untuk belia yang sudah berkecimpung dan diajar bertani, di samping itu, ditolong dari segi *business plan*nya dan juga sumber kewangan dicarikan.; dan

2. Skim BIBD dan TAIB, di mana masa ini *we'll work together* dengan sektor kewangan termasuk Bank Usahawan, di mana pihak Jabatan Pertanian bekerjasama dengan bank-bank ini untuk menyediakan sumber kewangan. Jadi ada proses penilaian, dipilih belia-belia yang berminat yang *qualified* benar-benar baru lah

mengikuti Skim Belia Bertani bersama dengan BIBD dan TAIB dan agensi lain. Semua kewangannya ditanggung sendiri oleh pihak bank dengan tunjuk ajar pengurusan kewangan oleh bank dan di samping itu juga *in terms of technical*, pihak Jabatan Pertanian akan membuat *assessmentnya*. *So far*, *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* masa ini, fasa pertama 10 orang belia telah dipilih untuk mengikuti program ini.

Di samping itu juga, dari segi *adoption* teknologi, ini pun ada bantuan dari pihak kerajaan untuk menggalakkan para-para pengusaha terutama sekali kepada belia untuk menggunakan teknologi. Ini *collaboration between* Jabatan Pertanian dan juga pihak *DARe, co-matching grant*. *So* apa saja aktiviti seperti penggunaan teknologi, pemakaian solar di ladang-ladang pakai *IoT*. Ini akan dibiayai dengan Kerjasama *co-matching grant* pihak *DARe*.

Seperti yang telah kaola nyatakan tadi, *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ*, *for the last few years* ini sebanyak 155 orang belia sudah berkecimpung dalam projek ini. Memang belia ini menjadi tumpuan kerana belia ini penting. 'Kitani' pun faham kalau belia ini jika *style* bercangkul tidak 'bisdia' minat, itulah teknologi sebagai bahan penarik untuk 'bisdurang' ikut serta dalam industri Pertanian. Jadi, *we rebrand it* kepada *agro-entrepreneurs rather than* petani, penternak.

Hakikatnya, *seed production* benih-benih ini adalah penting. Ini adalah soalan

kedua, dalam mengukuhkan lagi *the whole value chain of* pertanian ini. Jadi seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, *we have already advertised* balik-balik, tapi tidak ada *takers*.

Pada masa ini, pihak Kementerian bekerjasama dengan pihak UNISSA untuk menggiatkan lagi projek *tissue culture* ini. Adalah diharapkan dengan kerjasama ini akan dapat mendorong lepasan-lepasan graduan (UNISSA) akan dapat berkecimpung dalam pengeluaran biji benih melalui *tissue culture* ini.

Tapi jika kiranya 'bisdurang' ini mengeluarkan *tissue culture* sendiri, itu tidak akan menguntungkan sepenuhnya. Jadi kiranya mereka berusaha, pihak Jabatan Pertanian akan gigih membantu 'bisdurang' untuk membuka ladang sendiri jua. *So, cash* nya itu dari ladang juga untuk menjana pendapatan 'bisdurang' dan supaya mereka mendapat mata pencarian yang *sustainable*.

Inilah inisiatif yang diungkayahkan oleh pihak Kementerian bekerjasama dengan pihak UNISSA untuk *promote* penggunaan *tissue culture* sebagai sumber untuk pengeluaran biji-biji benih terutamanya kepada peniaga lepasan-lepasan graduan daripada UNISSA ataupun IBTE.

Seperti yang dinyatakan tadi, mereka ini boleh *involved* dengan program belia yang sedia ada pada masa ini,

sama ada dengan BIBD, TAIB atau *DARe* untuk memajukan *business* 'bisdurang'.

Itulah jawapan abiskaola Yang Berhormat Pengerusi berkenaan dengan soalan tersebut, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ikut mencadangkan Ahli Yang Berhormat supaya perkara ini dapat dibawa semula kepada Menteri Pendidikan apabila ia ada di sini, akan ditanya kepada 'kedia'. Apakah perancangannya mengenai dengan graduan-graduan yang akan keluar daripada UNISSA dan juga IBTE yang ada mempunyai kepakaran dalam hal ehwal pertanian?

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

. dan salam **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah dan tahniah atas usaha-usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta penjelasan arah tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang panjang lebar pada pagi tadi.

Kaola ingin mengucapkan tahniah juga kepada Kementerian ini kerana jumlah ketibaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam melalui udara pada tahun 2023 meningkat sebanyak 309% berbanding pencapaian pada tahun 2022 iaitu dari 29,386 orang pelancong kepada 120,059 orang pelancong.

Tahniah atas inisiatif yang diambil oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam mendukung industri pelancongan Negara Brunei Darussalam dari segi promosi dan pemasaran seperti membawa seorang *influencer*.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, tadi baharu sahaja Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memberitahu bahawa kedatangan pelancong-pelancong dari luar negara ke Brunei Darussalam belum mencapai tahap sebelumnya *COVID-19*, jadi sasarannya ialah supaya ia berbalik semula iaitu mencapai kepada peringkat sebelum *COVID-19*.

Jadi 'kitani' lihat bagaimana keadaannya. Apabila kita sudah mencapai sasaran tersebut baharu kitani memberikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola meneruskan sahaja. Seperti membawa seorang *influencer* terkenal dari negara lain, mengadakan pameran produk

tempatan dan berusaha untuk meningkatkan infrastruktur di bawah Belanjawan Tahun 2024-2025 iaitu penambahbaikan Galeri Pelancongan Kebudayaan Kampong Ayer, peningkatan kemudahan di Pulau Salirung dan projek penambahbaikan kemudahan di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak.

Walaupun difahami bahawa kita baharu pulih daripada kesan fasa *COVID-19*, prestasi dan produktiviti sektor pelancongan adalah masih jauh lebih rendah apabila dibandingkan dengan data pada tahun 2019 di mana jumlah ketibaan pelancong adalah sebanyak 333,224.

Pada tahun 2023 hanya merangkumi sebanyak 36.02% dari paras 2019. Luruslah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi.

Dari kementerian ada juga menunjukkan kadar penurunan bagi industri penginapan hotel di negara ini juga masih rendah iaitu hanya 40% dan sasaran yang sama bagi tahun yang akan datang. Perbezaan ini sangat besar dan kita perlu mengukuhkan dan meningkatkan lagi jumlah pelancong ke Negara Brunei Darussalam.

Penambahbaikan prasarana pelancongan juga masih banyak lagi perlu diperbaiki dan ditingkatkan untuk menarik lebih banyak pelancong, tidak hanya dari luar negeri tetapi juga dari dalam negara. Ini kerana masih terdapat ramai penduduk tempatan yang belum mengetahui tentang tempat-tempat

yang telah dinaik taraf dan apatah lagi pelancong dari luar negara.

Di negara 'kitani' terdapat banyak mercu tanda ikonik termasuk masjid-masjid, muzium-muzium yang indah, padang *golf* terbaik sesuai digunakan hampir sepanjang tahun untuk pelawat. Kawasan ikonik seperti terumbu laut dan pesisiran pantai serta alam semula jadi serta hidupan liar termasuk flora dan fauna yang cantik.

Ini juga boleh menjadi fokus strategik atau kawasan pelancongan khusus bagi pelancong mewah yang boleh memberikan manfaat ekonomi yang signifikan sambil mempromosikan pemeliharaan budaya, pembangunan lestari dan pengiktirafan global dan sebagai destinasi pelancongan utama di Asia Tenggara.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, soalan kaola adalah:-

1. Adakah perbelanjaan tahun ini mencukupi bagi tujuan-tujuan kemajuan pelancongan? Pada Belanjawan tahun ini sebanyak \$1,004,550.00 untuk promosi pemasaran dan pelancongan (kod 004/00) telah dicadangkan bagi diluluskan untuk tujuan Kemajuan Pelancongan.

Namun, perbandingan dengan negeri jiran menunjukkan jurang yang besar dalam perbelanjaan bagi tujuan pelancongan. Rata-rata negara itu memperuntukkan 5 kali

ganda lebih banyak peratusan belanjawan tahunan mereka untuk tujuan pelancongan;

2. Apakah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menilai strategi-strategi untuk meningkatkan jumlah pelancong datang ke Brunei Darussalam seperti yang dikatakan lebih awal tadi.

Ini adalah kerana sasaran-sasaran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk Kemajuan Pelancongan adalah sangat rendah. Salah satu sasaran bagi Jabatan Kemajuan Pelancongan merupakan kadar penghunian hotel yang hanya 40%. Bagi kaola ini adalah *under utilization of existing hospitality industry*. Kaola berpendapat diperlukan sasaran yang lebih tinggi.

Oleh yang demikian, kaola menyarankan supaya promosi yang lebih agresif diusahakan untuk meningkatkan produktiviti dan hasil daya industri pelancongan kerana walaupun perbelanjaan negara bagi industri pelancongan kira-kira \$1 juta dan hasil dijangkakan juga jauh lebih rendah dianggarkan dari Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan ini iaitu hanya 8.65% iaitu \$86,900.00 daripada perbelanjaan \$1,004,550.00. Ini menjadikan inisiatif ini seperti tidak berbaloi;

3. Adakah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempertimbangkan pembangunan tempat-tempat seperti pusat konservasi flora dan fauna, pusat budaya menarik pelancong. Kekayaan flora dan fauna Brunei Darussalam seperti lebih daripada 7% spesies burung dan juga *proboscis monkey*.

Ini boleh menjadi tarikan pelancong jika ditumpukan di satu tempat seperti *sanctuary* burung *bird park* atau taman hiburan liar. Budaya Brunei Darussalam juga unik dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan harus menarik penggemar budaya dari luar negara dan membuat pelancongan domestik lebih menarik bagi rakyat tempatan. KPI Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sepatutnya merangkumi peratusan rakyat Brunei Darussalam yang melancong di dalam negara bagi memupuk pemahaman budaya dan keindahan tempatan.

Pada pendapat kaola untuk menarik pelancong ke negara ini, rakyat Brunei Darussalam sendiri juga memainkan peranan yang penting iaitu pengetahuan yang luas sebagai pelancong dalam negeri sendiri seperti mengenal tempat-tempat penarikan di dalam negara dan sebagai *indicator* kejayaan mengenai inisiatif kerajaan di sektor pelancongan dan seterusnya sebagai

diplomata budaya bagi Brunei Darussalam untuk menarik minat penggemar budaya dari jauh;

4. Bagaimanakah kementerian boleh menyelaraskan inisiatif pelancongan hijau kepada setiap lapisan dan masyarakat Brunei Darussalam meliputi warga kerajaan dan *ethos* budaya yang mencerminkan kesedaran alam sekitar. Ini pendapat kaola, strategi ini juga patut dikembangkan yang menunjukkan mereka mengambil berat tentang alam sekitar; dan
5. Adakah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempunyai inisiatif untuk mengembangkan pelancongan *high-end* dan menarik digital *nomad* ke Brunei Darussalam. Inisiatif untuk menarik pelancong *high-end* dan digital *nomad* ke Brunei Darussalam harus dipertimbangkan.

Data digital menunjukkan bahawa digital *nomad* dapat meningkatkan tempoh pelancong di negara ini yang akan meningkatkan hasil sektor pelancongan. Secara purata, data menunjukkan pelancongan *high-end* dan digital *nomad* akan singgah di suatu tempat dalam jangka masa satu minggu ke tiga bulan. Di mana ini akan dapat menaikkan lagi purata tempoh penginapan pelancong sama ada sasaran atau sebenar di negara ini dari 4 ke 5 hari hingga 1 minggu atau lebih.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin. Ada 5 soalan yang dikemukakan.

Yang pertama, adakah perbelanjaan ini mencukupi? Sebenarnya perbelanjaan yang ada masa ini di dalam RKN adalah \$7.32 juta untuk dibelanjakan dalam tempoh 5 tahun. Walaupun perbelanjaan ini tidak sebanyak yang difikirkan tapi dari segi projek-projek ini pihak kementerian mengambil *approach* yang inovatif, bukan *relying on expenditure alone*.

Seperti projek yang kaola nyatakan tadi, projek PPP juga adalah satu mekanisme untuk mendapatkan peruntukan bagi memajukan kawasan-kawasan yang menarik bagi pelancong-pelancong.

Masa ini usaha telah dibuat bersama pihak BEDB, untuk mepakej kawasan-kawasan yang difikirkan menarik, dibundle 4, 5 projek untuk dipromosikan sama ada *through FDI* ataupun PPP tempatan bagi membolehkan tempat-tempat yang berpotensi untuk dimajukan, dapat dimajukan secara komersial, *more efficient*. Itu adalah antara tatacara untuk mendapatkan lebih peruntukan alternatif.

Dari segi promosi, seperti tahun-tahun lepas kebanyakan perbelanjaan itu *cost*

sharing antara pihak swasta untuk membuat *promotion, expose* ke luar negeri. Itu adalah antara inisiatif yang digunakan untuk membolehkan 'kitani' membangun dan memajukan tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam.

Dari segi menilai strategi untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Negara Brunei Darussalam, ini telah abiskaola nyatakan dalam mukadimah kaola sendiri dan kaola tidak akan mengulangnya lagi Yang Berhormat Pengerusi.

Berkenaan penubuhan Pusat Konservasi, Pusat Kebudayaan ada beberapa pusat sudah ditubuhkan seperti Pusat Biodiversiti, *Tropical Biodiversity* di Sungai Liang, Pusat Biodiversiti di UBD dan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Bandar.

Semua ini sudah ada di Brunei, masa ini usaha-usaha untuk membuat pakej yang menarik, yang pentingnya *according to expert* yang telah datang ke Brunei, berkenaan *tourism* ini 'kitani' mesti ada cerita, *content* itu *must be rich*, walaupun tempat fizikal itu banyak atau sedikit, tetapi *as long as* ada cerita, ada *content*, itu yang penting.

Pada masa ini, usaha-usaha dengan ejen-ejen pelancongan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta kementerian-kementerian lain, pihak abiskaola berusaha untuk menjadikan satu pakej cerita yang menarik seperti Kampong Ayer.

Apa sejarahnya? Apa *content* penduduknya? Asal-usulnya, *اللَّحْمُ دُ يَلَّه* terdapat sudah 4 pakej *tour guide manual* yang telah disediakan untuk memastikan kalau 'kitani' membawa *tourist* itu ke sana ia lebih berisi *in term of content*. Itulah usaha-usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

Di samping itu juga pusat-pusat ini akan lebih aktif lagi dilibatkan dengan pihak ejen-ejen pelancongan supaya mereka ini lebih peka kepada keperluan dan kehendak pelancong.

Berkenaan dengan menarik lebih ramai pelancong domestik, abiskaola sudah menyatakan di dalam mukadimah kaola, sudah di *revive* kembali "Kenali Negara Kitani" seperti tahun lepas *December Festival*, sebanyak 51 pakej ditawarkan *special price* untuk melawat negara ini. 51 *pakej* itu ditawarkan pihak ejen untuk bercuti di Negara Brunei Darussalam. *اللَّحْمُ دُ يَلَّه* , ini satu perkembangan yang baik. Dulu tidak dapat dibayangkan kita dapat 50 lebih pakej untuk di Brunei sahaja, pakej ke Belait, Tutong, Temburong dan Brunei Muara.

Di samping itu juga seperti yang kaola nyatakan dalam inventori terdapat 200 lebih aktiviti pelancongan *di compile* dalam inventori di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk dijadikan sebagai pakej untuk mereka yang berminat boleh membuat atau melawat, ikut serta dalam aktiviti-aktiviti yang aktif di negara ini dan *related* dengan pelancongan.

Pelancongan hijau ini *in line with* strategi pihak kementerian dan Jabatan Kemajuan Pelancongan di mana 'kitani' ada 3 *task, Enviroment Nature, Culture and Adventure*.

Ini memang sudah dijadikan tema dalam mana-mana ekspo yang kita sertai sebagai contoh di Singapura. Pada masa ini, *لِلْحَمْدُ لِلَّهِ* ada sambutan yang baik dari pihak *travel agent* di sana terutama sekali *diving dan bird watching*.

Mereka kagum dengan *diving* di negara kita kerana negara kita banyak *shipwreck dan in term of species* biodiversiti dalam laut sangat kaya. Pada masa ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan mengadakan *familiarization tour* dengan ejen-ejen dari Singapura dan seterusnya dilaratkan ke ejen-ejen dari China, Jepun dan Korea termasuk Australia. Ini akan dijadikan *familiarization tour* untuk *Nature, Culture and Adventure*.

In terms of high-end seperti *bird watching*, pelancongnya adalah high-end.. *In terms of digital nomads* 'mangkali' *we are looking untuk bekerjasama* dengan pihak agensi yang lain, contohnya Imigresen untuk mem*facilitate digital nomad* ini, supaya 'bisdurang' boleh bekerja sambil menikmati suasana aman.

Perkara ini akan ditunduki dan kementerian akan *take into consideration suggestion* daripada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
لُحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Terima kasih *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*. Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola untuk ikut serta membincangkan peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah yang begitu komprehensif dan jelas.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara pertama yang akan kaola bangkitkan hari ini berkaitan pelancongan tapi dari segi perspektif yang berlainan. Mungkin banyak cadangan daripada soalan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum isu pelancongan ini sudah banyak kali kita sentuh dalam perbincangan beberapa hari ini terutama kesan positifnya yang merangsang aktiviti ekonomi negara.

Di negara-negara lain, sektor ini adalah dianggap sebagai *money spinner*, ia

bukan saja dari segi kesan langsungnya malahan *multiplier effect* yang berlipat ganda.

Jadi, kaola terus saja memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dari segi *effectiveness* ataupun keberkesanan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana *target* yang dibuat oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada pendapat kaola, minta maaf Yang Berhormat, adalah kurang *ambitious*.

Pada hemat kaola, sasaran pelancong bagi tahun 2024 adalah sebanyak 362,565 dan 552,733 pada tahun 2029 seperti dalam KPI Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan adalah sangat sedikit, perlu *direview* dan dipertingkatkan. Ia sangat jauh daripada sasaran negara-negara jiran bersempadan dengan kita apatah lagi *target* negara-negara ASEAN keseluruhannya.

Walhal, sektor ini telah pun dipilih sebagai salah satu daripada 5 kluster yang menjadi keutamaan negara dalam mempelbagaikan ekonomi. Kaola juga ingin memohon pencerahan apakah strategi-strategi yang berimpak tinggi dan produk-produk yang lain daripada yang lain (*extraordinary*) yang boleh melonjakkan sumbangan sektor ini dalam meningkatkan pengaliran wang masuk ke negara ini serta menambah

peluang-peluang pekerjaan dalam sektor ini.

Mungkin salah satu cara yang dapat difikirkan ialah kemungkinan kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat strategik *alliance* ataupun kolaborasi dengan hotel-hotel kepunyaan kerajaan di seluruh dunia untuk mengadakan program khas membawa masuk *loyal clients* ataupun *customer* mereka untuk menerokai keindahan negara ini.

Satu lagi projek yang mungkin akan mempromosi negara ke arena antarabangsa ialah dengan mengadakan *international event* seperti *marathon* di Jambatan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, jambatan yang terpanjang di Asia Tenggara. Mungkin juga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan meneroka kemungkinan kolaborasi dengan jiran-jiran kita di kepulauan Borneo, untuk mengadakan pakej menjelajah kepulauan Borneo. Kaola serahkan perkara ini atas budi bicara pihak Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi, sebagaimana dimaklumi isu pelancongan ini sebenarnya ialah *cross-cutting issue*. Ke arah itu, kaola juga ingin memohon penjelasan mengenai *coordinated approach* dan penyelarasan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama kementerian-kementerian yang berkepentingan, ke arah mempromosikan pelancongan lain selain daripada *ecotourism* seperti Pelancongan

Pendidikan (*flagship JIS*); Pelancongan Kesihatan (*medical tourism, flagship Pantai Jerudong Specialist Centre*); Pelancongan Islam (*flagship masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin, masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah* dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah); Pelancongan Kebudayaan (*flagship Royal Regalia, Conferencing Center, Sport Tourism* dan lain-lain lagi.

Sebenarnya, perkara ini pernah kaola sentuh semasa persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, cuma dalam sesi ini kaola ingin mendapatkan perkembangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai langkah-langkah strategik yang telah dilaksanakan setakat ini dalam merealisasikan perkara ini.

Lembaga Pelancongan (*Tourism Board*) yang ada pada masa ini kaola rasa perlu *direview* keberkesanannya untuk menyuntik semangat dan nafas baru jika kita ingin memacu dan mengaktifkan aktiviti dalam sektor ini.

Perkara yang kedua adalah mengenai bidang pertanian dan perikanan telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dan telah pun diberikan penjelasan secara *detail*.

Jadi, kaola hanya ingin memohon pencerahan mengenai dua perkara. Pertama, apakah bentuk aktiviti *research* kementerian dan agensi-agensi Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang dapat

diketengahkan dalam memajukan lagi bidang-bidang pertanian dan *aquaculture* ini supaya ia *sustainable* dan berdaya saing.

Penyelidikan ini penting dilaksanakan secara berterusan dan perlunya bersifat komersial yang boleh digunakan oleh para peladang, petani dan dalam perikanan.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedia maklum, di negara-negara lain seperti negara-negara jiran Malaysia dan Thailand, aktiviti ini sentiasa dilakukan secara berterusan yang dapat menghasilkan produk-produk baru yang boleh dipasarkan secara komersial.

Kedua, kaola ingin mencadangkan supaya liputan dan pemberitaan meluas dan berterusan akan dibuat bagi para belia dalam sektor pertanian, perikanan dan pelancongan dalam media massa dan media sosial.

Adakah usaha Kementerian Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama dengan RTB untuk mengadakan segmen khas bagi menyebarkan usaha-usaha anak tempatan terutama para belia dalam bidang pertanian, perikanan, pelancongan malah bagi apa jua bidang perniagaan secara keseluruhannya.

Kaola rasa di sinilah media kerajaan akan dapat memainkan peranan penting membantu mempromosikan perniagaan

anak-anak tempatan seperti ini supaya ia lebih maju dan berkembang.

Di samping itu, pemberigaan seperti ini akan dapat menarik minat dan semangat belia-belia tempatan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Yang terakhir, dalam laporan tahun 2023, kaola perhatikan nilai keluaran kasar bagi sektor makanan telah menurun sebanyak 25%. Begitu juga nilai keluaran kasar bagi industri pertanian dan agrimakanan menurun 5% berbanding pada tahun 2022.

Manakala, nilai keluaran kasar bagi sektor perikanan juga terjejas sebanyak 5% dan jumlah pekerjaan di bawah industri pertanian dan perikanan bagi tahun tersebut juga menurun sebanyak 30%, iaitu satu jumlah yang besar.

Kaola ingin memohon penjelasan pada perkara-perkara berikut. Pertama, apakah puncanya penurunan ini? Ke manakah perginya pekerja-pekerja yang terkesan ini (*retrench*)? Dari jumlah tersebut, berapakah bilangan yang terdiri daripada pekerja-pekerja tempatan?

Yang terakhir, apakah strategi kementerian untuk meningkatkan semula penghasilan industri pertanian dan agrimakanan serta perikanan ini? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sebelum Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memberikan jawapan atau respons

kepada soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan reaksinya terhadap beberapa perkara yang timbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola sebenarnya terpanggil untuk menambah sedikit maklumat untuk mengongsikan sedikit bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Usaha kerajaan untuk menarik pelancongan ini sebenarnya tidak bertumpu kepada satu kementerian sahaja. Ia seperti yang dijelaskan oleh rakan kaola tadi, merupakan satu pendekatan yang diambil sebagai Pendekatan Senegara.

Ertinya bukan bersama-sama agensi kerajaan yang lain, malah juga melibatkan agensi-agensi bukan kerajaan, iaitu sektor swasta.

Dari sudut Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ia berkait rapat dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, terutama sekali bidang budaya dan pelancongan. Bidang budaya bermakna cara hidup 'kitani' di Negara Brunei Darussalam ini merupakan salah satu tarikan dengan sendirinya.

Tarikan kepada pengunjung-pengunjung untuk datang ke negara 'kitani' untuk

melihat bagaimana cara kehidupan di sini. Ini sudah setentunya akan menjadi nilai tambah kepada destinasi-destinasi pelancongan dan pakej-pakej pelancongan yang ada.

Cara hidup 'kitani' di Negara Brunei Darussalam sudah setentunya diambil maklum oleh semua, ia amat berbeza dan unik dari negara-negara jiran, termasuk destinasi pelancongan lain yang ada di rantau ini dan sudah setentunya jika seseorang pengunjung itu berkunjung ke rantau ini, ia merupakan satu kerugian kalau tidak menjenguk dan melihat cara hidup 'Orang Brunei'.

Kedua, di samping mempromosikan cara hidup dan budaya 'kitani', kita juga menandatangani beberapa memorandum dan perjanjian dua hala yang ada memperuntukkan pertukaran-pertukaran budaya dan promosi. Ertinya dengan mempromosikan budaya dan cara hidup 'kitani', dengan sendirinya ia akan menjemput pengunjung-pengunjung untuk datang ke Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam bersama negara-negara jiran telah mencapai 40 tahun, sama ada hubungan dua hala dan sebagainya. Pada tahun ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi masing-masing akan bekerjasama rapat untuk mempromosikan budaya 'kitani'

melalui pertukaran budaya dengan negara-negara jiran yang ada mempunyai hubungan diplomatik dengan Negara Brunei Darussalam. Ini sudah setentunya menjadi nilai tambah.

Melalui penuntut-penuntut 'kitani' yang berada di luar negara sudah setentunya membuka ruang untuk mereka menjadi duta dan *representative* dalam mempromosikan Negara Brunei Darussalam dan juga cara hidup 'kitani'. Jadi, kaola cuma ingin menambah sahaja dari satu sudut yang lain.

Mungkin ia dapat menambah pencerahan tentang usaha pihak kerajaan melalui kerjasama dan mengambil Pendekatan Senegara bagi menarik lebih ramai pengunjung untuk melihat cara hidup, budaya dan warisan-warisan di Negara Brunei Darussalam.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan responsnya terhadap beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim berkenaan soalan-soalan dan juga cadangan-cadangan yang telah diajukan. Berkenaan dengan objektif dan *targets*. Memang *target* itu tidak seagresif yang diharapkan oleh Yang Berhormat tadi. *We look at target* tahun ini. *إِنْ شَاءَ اللهُ our target to reach* balik kepada *pre-COVID*.

Sekiranya 'kitani' dapat *achieve* jumlah pelancong seperti *pre-COVID level*, *I think* itu adalah satu perkara yang positif dan *because target* ini adalah dinamik, *we will review* sama ada dengan adanya inisiatif-inisiatif yang ada lagi nanti yang menyebabkan impak yang besar mungkin *we will be able to review the target* seterusnya.

Berkenaan dengan strategi yang lain, *now we take note*, disambut baik cadangan untuk melibatkan hotel-hotel kepunyaan kerajaan negara 'kitani' untuk melibatkan mereka dalam mempromosikan dan menarik pelancong-pelancong daripada *loyal customer* 'bisdurang' ke Negara Brunei Darussalam.

Berkenaan *national event*. 'Barangkali' *one of the proposals that we are doing at the moment is* larian *marathon*. *This is* cadangan baru yang dicadangkan akan *diorganise next year* di *Sultan Omar 'Ali Saifuddien Bridge* but *we still have to work*, banyak usaha-usaha dan juga kolaborasi bersama kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang berkenaan bagi mengungkapkannya. Sebenarnya *event international* yang

besar ini memang banyak 'keraja' cuma *problemnya* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi *cross-cutting*, bukan saja kementerian abiskaola malah kementerian-kementerian lain juga terlibat.

Ini akan diusahakan dengan kementerian-kementerian lain untuk *organise event* seperti *marathon* tersebut pada tahun depan. Ini termasuk kolaborasi dengan Borneo, sebenarnya sudah ada *last year, 21st Borneo Island International Big Bike Festival (BIIBBF)* memang *diorganise* oleh *Big Bikers* di negara ini dengan kerjasama *Big Bikers* di Kalimantan, Borneo, Sabah, Sarawak, Labuan, Thailand, Semenanjung Malaysia, Singapore dan Indonesia. Penjelajahan Borneo ini memang sudah ada dibuat tetapi boleh *dielevate* dari segi publisitinya.

Memang jumlah kedatangan adalah antara 400-500 orang dalam acara ini. Usaha akan digiatkan lagi dari segi *different aspects* untuk membuat aktiviti seperti penjelajahan di kepulauan Borneo, selain daripada *Big Bike activities*. Sebenarnya *coordination* dari agensi-agensinya memang sudah dibuat.

Masa ini *focus* kementerian adalah untuk *attract medical tourism, education tourism* dan juga *islamic tourism*. Perundingan telah dibuat antara kementerian-kementerian untuk dipakej dan juga *involve* kementerian-kementerian lain. Sebagai contoh masa ini Singapore *is interested in education tourism*.

Jadi *we are working* dengan Kementerian Pendidikan dan juga ejen pelancongan yang *related* kepada *education tourism*. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* *in the pipeline hopefully by* hujung tahun ini barangkali boleh sudah mulai ada *tourist* daripada *student*, *education tourism* dan dapat diungkayahkan semula terutama daripada negara-negara jiran seperti Malaysia, Singapura dan juga Indonesia.

Berkenaan Belia Bertani, apakah bentuk *research* pertanian. Sebenarnya *research* ini mula sudah dilaksanakan bukan sahaja di antara UBD, UNISSA dan UTB. Kebanyakannya *research* 'bisdurang' ini *is more applied research*, cara-cara untuk meningkatkan produktiviti, macam mana untuk mengurangkan kos. Ini memang sudah mula diusahakan dengan pihak UNISSA dan UTB untuk membolehkan kitani *apply this outcome of the project research* ini kepada peladang-peladang kitani.

Di samping daripada *research* kitani dengan pihak *institution* tempatan, kita juga membuat *collaboration* dengan Temasek Life Sciences Laboratory di Singapura, di mana ada *collaboration* dengan pihak Jabatan Perikanan bagi membolehkan kitani mem*produce* benih-benih anak ikan yang tahan (*resistant*) daripada penyakit dan juga tahan lasak dari segi *environment*.

Ini memang sudah dibuat dengan Temasek Life Sciences Laboratory di Singapura jua. Ini ada *collaboration* dengan pihak dari Jabatan Perikanan dan

juga masa ini perundingan juga dibuat supaya *collaboration* itu dilaratkan juga kepada pihak UNISSA dengan Temasek Life Sciences Laboratory.

Di samping itu juga dari segi pertanian, memang *collaboration* dengan China's Hunan Hybrid Rice Research Centre (HHRRC) di mana pihak Jabatan Pertanian memohonkan *expert* profesor daripada *Hunan Research Institute* untuk ditempatkan di negara ini untuk membuat kajian bersama di makmal di sini bersama dengan UNISSA dan juga Jabatan Pertanian untuk membolehkan kitani mem*produce* beras-beras tradisi kitani ini yang lebih tinggi *productivity* nya seperti beras bario, beras pak pusu dan juga beras adan.

Ini kan dibuat di sini di samping itu jua akan menunjuk ajar kepada *plant breeder* kitani di sini untuk *produce hybrid rice* yang lebih berkeluaran tinggi di sini. Itulah antara *research* yang telah dilaksanakan dengan pihak bukan sahaja institusi pendidikan dalam negeri malah juga luar negeri. Dari segi sektor pertanian itu telahpun abiskaola menyatakan tadi bahawa penurunan ini adalah disebabkan 2 perkara.

Pertama ialah bagi pertanian kerana kerbau-kerbau dahulu masa *COVID-19*, kerbau dan lembu yang beku tidak dapat dimasukkan ke dalam negeri ini. Jadi terpaksa mengambil kerbau hidup dibawa ke sini dan disembelih di sini. Jadi itulah banyak aktiviti-aktiviti penyembelihan di sini.

Sekarang dengan adanya selesai endemik *COVID-19* masa ini, dengan kurang sudah isu logistik di antara Brunei dengan Australia dan juga dengan India. *I think now what happen is* banyak bukan sahaja disembelih kerbau-kerbau di sini atau lembu di sini malah *imported* daripada Australia dan juga India datang ke Brunei, jadi penurunan penyembelihan di sini menyebabkan pengeluaran *production* pengeluaran pertanian, itu sebabnya *major contributor* jatuhnya *production of* pertanian di negara ini.

Dari segi perikanan seperti koala nyatakan tadi ialah sebab masalah penyakit. Masalah penyakit masa ini telah pun menyerang satu syarikat yang besar di Tutong menyebabkan *production* menurun jauh. Lebih daripada 2 per 3 *production* turun daripada sebelum penyakit itu ada.

Jadi ini menyebabkannya ia turun itu. Jadi di antara inisiatif yang telah dibuat pada masa ini untuk mengelakkan perkara tersebut untuk mengukuhkan lagi *biosecurity* ladang. Jadi pengurusan ladang perlu dikukuhkan lagi, jadi untuk mengelakkan sebarang penyakit dapat menyerang ke ladang tersebut. Ini satu inisiatif yang dibuat oleh pihak Jabatan Perikanan untuk mengukuhkan lagi *biosecurity* ladang-ladang di negara ini.

Di samping itu juga, untuk meningkatkan lagi *production* masa ini, kerana kalau dilihat kalau *production* kitani *self-sufficiency* ini, *it will not grow*. Jadi usaha pihak Jabatan dan Kementerian

sama ada Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian ialah untuk memastikan bahawa bukan sahaja kitani *self-sufficient* malah berlebihan untuk diekspot.

Dengan adanya ekspot itu, *our production will grow continuously*. Kerana bukan *limit* dengan *demand* dalam negeri. Ini dengan adanya ekspot *market* seperti telur *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dikembangkan. Sekarang ayam pun *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dan juga barang-barang berasaskan daging *after negotiation* *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dapat diekspot di Singapura, ke Cina.

Dengan ekspot ini akan dengan sendirinya menghilangkan *limit* untuk kitani *produce*. Jadi *we will be able to produce more than what we can consume*. Jadi apa lebih diekspot ke Singapura, ke China ataupun ke negara Sarawak, Sabah dan juga Malaysia.

Ini antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memastikan bahawa kitani punya syarikat-syarikat terus berkembang, tidak *stagnant*. Itulah pendapat pendekatan yang diambil untuk memastikan *we grow our food industry* secara berterusan.

Dari segi tenaga kerja ada 30% kurang. Ada di antara 'bisdurang' ini kebanyakannya orang luar. Tapi abiskaola belum ada statistiknya. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diberi kalau ada sudah

statistiknya Yang Berhormat Pengerusi.
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ
وَبَرَكَاتُهُ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan hormatnya terlebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang diberikan kepada kaola untuk bersama-sama membahaskan peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dalam pada itu juga, kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ke atas pembentangan peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi sesi 2024/2025 yang begitu komprehensif dengan menjelaskan pelan, strategi serta inisiatif-inisiatif yang

telah dan akan diungkayahkan oleh kementerian ini untuk mencapai objektif dan sasaran kementerian tersebut.

Adalah juga kaola menganggap kementerian ini sangat penting peranannya dalam usaha yang berterusan menuju ke arah sara diri negara dalam sektor pertanian, perikanan dan permakanan khususnya makanan asasi iaitu beras.

اللَّهُمَّ sebagaimana yang digariskan dan juga sama-sama kitani maklumi, dalam *Economic Blueprint for Brunei Darussalam*, 2 daripada 5 sektor utama iaitu permakanan dan pelancongan telah pun dikenal pasti untuk diberikan keutamaan dan digerakkan bagi menyumbangkan ke arah pembangunan sosioekonomi yang mampan selain daripada bergantung kepada industri minyak dan gas dan juga dihasratkan untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Ini termasuklah juga industri pertanian, perikanan dan perhutanan di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Adalah sangat penting untuk terus menerokai strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang lebih efektif, berkesan, progresif dan berdaya maju khususnya dari aspek meningkatkan produktiviti dan pengeluaran produk berskala besar sehingga menembusi pengeluaran eksport, kreatif, inovatif dengan juga menggunakan teknologi tinggi dan moden.

Kaola berpandangan, dengan pendekatan sedemikian ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* sudah setentunya mampu menyumbang ke arah pembangunan mempelbagaikan ekonomi negara, menambahkan dan meningkatkan lagi *food security* negara, menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, *economic spin off effect* yang lebih aktif dalam berbagai aktiviti perekonomian, perniagaan, perkhidmatan dan seterusnya mampu menghasilkan industri hiliran.

Kaola mengambil maklum dan mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seperti mukadimah Yang Berhormat Menteri tadi yang mana telah menampakkan peningkatan di Sektor Pertanian, Perikanan dan Perhutanan termasuk memproses hasil perikanan dan ayam pedaging.

Bukan sahaja dari segi pengeluaran hasil memproses pertanian dan perikanan dan keluasan ladang atau perusahaan tetapi juga mampu meningkatkan pendapatan mereka yang berkenaan.

Begitu juga penglibatan anak-anak tempatan khususnya belia-belia yang menampakkan pertambahan bilangan yang berjinak-jinak dalam industri berkenaan. Adalah diharapkan sektor-sektor berkenaan ini akan dapat dikembang majukan lagi dan diusahakan untuk meneruskan meningkatkan lagi sara diri negara di masa akan datang, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Sehubungan dengan ini, kaola sukacita untuk mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Apakah strategi dan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk meningkatkan lagi dari segi produktiviti dan pengeluaran yang lebih tinggi yang bermotifkan *commercialization* sehingga mampu menghasilkan industri hiliran.

Dan juga bagaimanakah tatacara untuk meyakinkan pengusaha-pengusaha dalam industri pertanian, perikanan dan perhutanan dalam usaha membesarkan dan mengembanguaskan lagi perusahaan mereka ke arah yang lebih *sustainable*.

Kaola turut mengambil maklum penglibatan anak-anak tempatan dalam berbagai industri ini dan juga yang telah pun berusaha untuk meningkatkan produktiviti. Ke arah ini, kaola juga ingin mengetahui berapa buakkah syarikat atau individu tempatan yang berjaya mengeksport produk-produk tempatan menembusi pasaran luar negeri?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengikut maklumat dan masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha-pengusaha tempatan adalah dari aspek untuk mendapatkan *capital* atau bantuan pinjaman dari institusi-institusi kewangan atau institusi-institusi yang berkenaan dalam usaha mereka untuk membesarkan seperti pembelian alat *equipment* ataupun untuk membesarkan perusahaan mereka.

Sehinggakan ada setengah daripada peladang-peladang penternak ini terpaksa meminjam-minjam wang daripada saudara mereka dan lain-lain sama ada untuk memulakan atau mengembang majukan perusahaan mereka. Dapat disimpulkan di sini, kebanyakannya masih lagi menggunakan cara *conventional* atau *labour intensive*.

Sehubungan dengan ini, sukacita juga kaola ingin mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Apakah kemudahan-kemudahan atau insentif-insentif untuk mendapatkan modal bagi memulakan perusahaan dan juga mengembangluaskan perniagaan mereka dengan mengambil kira tidak membebankan sebenar-benarnya atau memudaratkan kepada pinjaman. Misalnya faedah atau *interest* yang munasabah yang sepatutnya lebih daripada *conventional bank*.

Kaola juga ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah bentuk insentif atau pemudahcara sebagai dorongan daripada pihak kerajaan dalam mentransformasikan industri pertanian, perikanan dan perhutanan dengan menggunakan aplikasi teknologi atau pun secara *mechanization* lebih canggih dan moden pada masa kini yang menjurus kepada *capital intensive industries*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha untuk

memperluaskan, mempelbagaikan lagi industri permakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah merancang dan mengenalpasti pelbagai jenis tanaman dan produk akuakultur yang boleh dikembang majukan.

Tujuan utama adalah untuk menggalakkan perkembangan industri hiliran dalam negara khususnya dalam produk agrimakanan dan pemprosesan produk perikanan dengan menggalakkan *value added product* khususnya dalam industri pertanian dan perikanan.

Dengan wujudnya industri hiliran ini sudah setentunya akan menjamin pengusaha-pengusaha dengan mengeluarkan perusahaan mereka yang berskala besar di samping boleh di eksport ke luar negeri.

Kaola juga ingin mengambil maklum dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kerana apa yang telah dibentangkan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri tadi, sebahagian daripada produk-produk telah pun berjaya di eksport ke luar negeri iaitu daripada industri hiliran.

Walau bagaimanapun, sehubungan perkara tersebut, apakah lagi strategi dan perancangan jangka panjang atau sederhana untuk menerokai potensi-potensi produk yang boleh mengeluarkan industri hiliran iaitu dalam sektor pertanian, perikanan dan perhutanan?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola di sini untuk menyentuh sedikit tentang industri pelancongan kerana kaola memikirkan menurut pendapat bahawa sektor pelancongan ini adalah sangat mustahak di mana sebahagian daripada negara-negara, industri pelancongan adalah salah satu utama yang boleh menyumbang kepada ekonomi dan juga boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Seperti yang kaola nyatakan tadi, bahawa industri pelancongan adalah industri yang dikenalpasti melalui *Brunei Darussalam Economic Blueprint* sebagai salah satu penyumbang utama bukan sahaja dalam mempelbagaikan ekonomi negara malahan mampu menyumbangkan pertumbuhan dan meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Adalah juga diambil maklum Jabatan Kemajuan Pelancongan mempunyai inisiatif-inisiatif yang akan diusahakan dalam kita sama-sama memajukan pelancongan.

Seperti juga industri pelancongan ini diiktiraf dan diperakui di peringkat antarabangsa sebagai salah satu industri yang diutamakan, diyakini berpotensi mendatangkan keberkesanan dan memacu sosioekonomi negara dan *standard* ekonomi dalam pelbagai rantaian sektor berkaitan seperti pengangkutan, penginapan, makanan, minuman, produk-produk tempatan, pekerjaan dan lain-lain.

Malangnya dalam penelitian kaola sendiri secara peribadi, industri pelancongan di negara ini kurang menyerlah. Ini boleh kita lihat daripada jumlah kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini menunjukkan peningkatan yang sangat perlahan, jika dibandingkan dengan negara-negara serantau seperti Malaysia, Indonesia, Vietnam, Singapura termasuk negara jiran kita sendiri Sabah dan Sarawak.

Menjadi hakikat ini akan kepentingan dan sumbangan yang sangat tinggi kepada ekonomi negara, banyak negara-negara luar berlumba-berlumba, bersaing hebat untuk menarik pelancong-pelancong di merata dunia untuk datang ke negara mereka dengan mempergiatkan pelbagai promosi atau strategi yang aktif lagi berkesan.

Kaola berpendapat di negara kita jua terdapat keunikan dan keistimewaan terutama sekali keadaan keamanan negara dan juga keadaan *stable* yang terjamin. Keunikan budaya dan warisan, adat istiadat makanan tradisi, keindahan alam sekitar, *eco-tourism* misalnya Kampong Ayer, Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan lain-lain lagi.

Di samping itu, kita perlu juga meningkatkan kualiti prasarana sistem pengangkutan fasiliti-fasiliti awam yang efisien, *reliable* lagi *accessible*. Destinasi-destinasi pelancongan dinaikkan penjagaanya di samping

kebersihan dan juga fasiliti-fasilitinya hendaklah diperbaiki dan juga dipermudahcara di pos-pos kawalan keluar dan masuk khususnya pemeriksaan imigresen dan kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa.

Kaola penuh percaya dan berkeyakinan, Negara Brunei Darussalam juga mampu meningkatkan keramaian pelancong-pelancong asing di negara ini dengan mengambil kira tauladan ataupun ajaran-ajaran yang diguna pakai yang telah dilaksanakan oleh negara-negara yang sudah terbukti keberkesananannya dan berjaya menarik lebih ramai pelancong.

Oleh yang demikian, kaola berpendapat Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan perlulah *mereview* dan membaharui strategi-strategi atau inisiatif-inisiatif yang lebih kreatif, berinovatif menumpukan khususnya keistimewaan dan keunikan serta kekuatan negara ini. ان شاء الله, berdaya maju lebih banyak lagi kedatangan pelancong ke negara ini.

Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sama ada telah diwujudkan satu jawatankuasa peringkat negara bagi mengenal pasti dasar atau strategi yang berkaitan dengan pelancongan khususnya untuk mengembang majukan lagi industri pelancongan ke tahap yang lebih agresif supaya kita mampu menyaingi negara-negara lain dalam bersama-sama menyokong penuh *Brunei Darussalam Economic Blueprint* menjadi

industri pelancongan sebagai salah satu yang perlu diambil perhatian berat.

Sehubungan dengan itu juga, kaola berpandangan Negara Brunei Darussalam adalah salah sebuah negara anggota pertubuhan ASEAN dan juga *Sub-regional BIMP-EAGA (Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina)*.

Dalam keadaan ini, kita harus berpandangan lebih jauh untuk menyerlahkan, mempromosikan sektor pelancongan bukan sahaja solo atau persendirian tetapi tidakkah kemungkinan kita boleh bergabung bersama dengan negara-negara berkenaan khususnya negara yang terdiri di dalam BIMP-EAGA untuk memperkenalkan semua negara-negara ASEAN atau sekurang-kurangnya yang saya nyatakan tadi, BIMP-EAGA. Ini boleh diperkenalkan dan mempertengahan keunikan dan keistimewaan budaya di negara BIMP-EAGA.

Mekanisme seperti ini mungkin lebih menarik dan menjimatkan perbelanjaan pelancong sama ada tawaran secara pakej atau kaedah-kaedah yang menarik untuk dipromosikan.

Peluang ini hendaklah kita sama-sama terokai terutama sekali kedudukan geografi Brunei yang strategik berada di tengah-tengah bukan sahaja ASEAN malahan BIMP-EAGA.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh

mengenai dengan *Brunei Darussalam Food Authority*. Adalah difahami *Brunei Darussalam Food Authority* telah ditubuhkan sejak 1 Januari 2021 di bawah perintah Autoriti Makanan Brunei Darussalam. Antara lain fungsinya dalam memastikan produk makanan di negara ini adalah bersih dan berkualiti bagi menjamin keselamatan pengguna di samping memastikan makanan yang dihasilkan di negara ini dipercayai dan dikenali seluruh dunia.

Sehubungan dengan itu, sukacita memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri setakat mana keberkesanan *Brunei Darussalam Food Authority* untuk memastikan kualiti produk makanan benar-benar terjamin keselamatannya dan kesihatan kepada pengguna.

Ini termasuklah jaminan boleh dimakan dengan selamat. Adakah pihak *Brunei Darussalam Food Authority* juga memeriksa dan memberi pengesahan kepada pengeluar-pengeluar makanan yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Keduanya, apakah peranan *Brunei Darussalam Food Authority* dalam membantu produk-produk tempatan dalam urusan pengeksportan keluar negeri dan seterusnya apakah bentuk piawaian yang digunakan dan diamalkan oleh *Brunei Darussalam Food Authority* boleh diterima dan diakui oleh badan autoriti luar negara khususnya untuk

mengeksport produk-produk tempatan ke luar negeri.

Demikianlah yang pandangan dan persoalan yang ingin kaola kemukakan. Adalah diharapkan peruntukan yang disediakan ini akan diguna pakai dengan sebaiknya selaras dengan kaedah *value of money* khususnya dalam industri pertanian, permakanan, perikanan, perhutanan dan pelancongan dan seterusnya berkembang maju dengan lebih pesat dan dinamik yang mampu menyumbangkan pertumbuhan sosioekonomi negara yang lebih mampan dan *sustainable* di samping menambahkan lagi pertumbuhan ke luar Negara Brunei Darussalam. Sekian, kaola sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof berkenaan dengan soalan dan juga cadangan yang telah diajukan. Ada banyak soalan yang diajukan dan kaola akan cuba menjawab satu per satu, ان شاء الله.

Dari segi pemakanan, apakah strategi untuk meningkatkan produktiviti, 'barangkali' sudah 'abiskoala' nyatakan tadi bahawa produktiviti ini banyak ditumpukan dalam kita mengusahakan

untuk memajukan industri makanan di sini.

Dari segi *value chain* seperti yang kaola nyatakan tadi, *the whole value chain* ini daripada semaian kepada *production*, semua diambil kira untuk meningkatkan produktiviti. Daripada semaian produktiviti ialah untuk mencari jenis-jenis benih yang mempunyai potensi produktiviti yang tinggi dan kualiti yang bagus.

Dari segi *production*, seperti yang kaola nyatakan tadi, memang *technology based. No other choice. Technology based* adalah satu usaha untuk Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan membolehkan mem*propel* production masa ini daripada *manual* kepada *automated* dan *technology* intensif untuk meningkatkan produktiviti negara. Kaola tidak akan menerangkan secara panjang lebar lagi mengenai peningkatan produktiviti.

Dari segi bagaimana hendak mendorong pengusaha-pengusaha untuk berkembang lagi. Sebenarnya kementerian dan jabatan-jabatan di bawah kementerian kaola, dari segi mengembangkan industri ladang yang ada memang ada skim iaitu Skim Rintis untuk memulakan. Ia adalah mudah dengan mengisi borang dan selepas itu dipertimbangkan dan ان شاء الله, kurang daripada 2 minggu akan dapat diberikan kawasan untuk diusahakan sebagai rintis.

Di samping itu juga sekiranya berjaya, *existing farm* ini ada skim yang dikenali sebagai skim *expansion* di mana ladang-ladang yang sudah berjaya boleh memohon menambah ladang lagi dengan skim ini. Ini adalah proses *straightforward* untuk menggalakkan orang-orang yang mempunyai ladang yang sudah maju, yang sudah *fully utilised* untuk ladang itu di*expand*. Itu memang sudah ada proses dan skimnya.

Berkenaan dengan beberapa buah syarikat yang sudah berjaya menembusi pasaran eksport, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, sejak dari November 2022 hingga sekarang, terdapat sebuah syarikat ternakan baru telah mula mengeksport telur ayam ke Singapura. Tapi, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ diharapkan dalam masa setahun ini akan ada sebuah tambahan syarikat untuk dapat mengeksport telur ayam ke luar negeri.

Dari segi *meat-based*, terdapat 3 syarikat tempatan *meat-based process* yang telah berjaya mengeksport ke luar negeri. Di samping itu, ada 2 syarikat berjaya dalam *agrifood* seperti membuat biskut dan *components of coffee and tea*. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ semuanya mungkin ada 6 atau 7 syarikat telah berjaya mengeksport dalam masa setahun ini.

Dari segi mendapatkan kapital, bagaimanakah usaha kementerian mendapatkan kapital? Kebanyakan masalah yang dialami oleh pengusaha ialah mendapatkan kapital. Seperti kaola nyatakan tadi, memang *start-up capital* ini satu cabaran yang tidak dapat dinafikan.

Usaha pihak kementerian seperti yang kaola nyatakan tadi, 'abiskaola' bergabung dengan pihak institusi kewangan seperti *we called it undercultivate* yang bekerjasama dengan BIBD dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* perundingan sedang dibuat dengan pihak TAIB dan juga *SME Bank* untuk menyediakan kewangan untuk *start-up* bagi pengusaha-pengusaha baru.

Inilah usaha-usaha yang *once we successful, they will be able transfer* kepada bank BIBD atau TAIB untuk diasuh dan juga dikembangkan. Itu antara usaha untuk mendapatkan kapital bagi pengusaha-pengusaha terutama sekali para belia.

Di samping itu juga, ada juga geran yang disediakan oleh pihak *DARe* untuk menggalakkan *adoption of technology, we called it co-matching grant yang* *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* beberapa buah syarikat ladang telah berjaya mendapatkan *co-matching grant* daripada pihak *DARe*.

Ini antara inisiatif yang pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama pihak *BEDB, DARe* dan institusi kewangan di negara ini.

Dari segi strategi untuk meningkatkan lagi aktiviti hiliran, memang digalakkan kerana walaupun sumber-sumber utama (*primary sector*) tapi kebanyakan nilai yang tinggi pada masa ini ialah hiliran *secondary processing* kerana *value added* yang banyak di sana.

Jadi, usaha-usaha pihak kementerian dengan kerjasama pihak *DARe* untuk mengenal pasti syarikat-syarikat *micro businesses* dan SME yang berkecimpung dalam hiliran ini untuk diusahakan.

Pihak *DARe* akan menyediakan kawasan *home-based* untuk membuat dan mengusahakan perusahaan mereka yang *dedicated* kepada fasiliti yang bersih dan menepati piawaian keselamatan makanan.

Di samping itu juga, untuk menggalakkan usaha hiliran *agrifood*, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga bekerjasama dengan pihak *GHANIM*. *GHANIM* mempunyai *production factory* sendiri.

Jadi, dengan adanya kolaborasi dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan *GHANIM*, syarikat-syarikat kecil yang *home-based* *dimatchmake* dengan *GHANIM*. Ertinya, perusahaan *home-based* boleh ditingkatkan dan penghasilan dapat dihasilkan di kilang *GHANIM*.

Jadi, mudah bagi mereka untuk mendapatkan *certification*, standard dan mudah untuk masuk ke dalam pasaran eksport ke luar negeri.

Dari segi pelancongan, memang tidak dinafikan bahawa ia banyak manfaatnya. Adakah *reviews* strategi pelancongan sama dasar atau jawatankuasanya telah ditubuhkan atau tidak?

Sebenarnya, kita menyediakan satu peta jalan (*roadmap*) bagi perkembangan industri pelancongan dan ini sudah dalam *final stage*.

Setelah ada *roadmap*, sebuah jawatankuasa pandu akan ditubuhkan yang mengandungi beberapa kementerian-kementerian yang diharap akan membantu untuk *coordinate the strategies* dan juga pelaksanaan-pelaksanaan program yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Dengan adanya jawatankuasa pandu dan *coordination* dengan pihak *Tourism Development Board* akan dapat membuat kerja-kerja yang lebih efektif, *coordinated* dan juga *synchronize*. *إِنْ شَاءَ اللهُ*, *roadmap* akan dilancarkan pada tahun ini.

In terms of inisiatif *BIMP-EAGA, joint promotion* memang sudah dirunding dengan negara-negara *BIMP-EAGA*, *إِنْ شَاءَ اللهُ* dan sudah ada dari minggu lepas, 'abiskaola' sedang membuat perundingan dengan negara jiran untuk *strategy on how we can collaborate joint promotion and joint destination* dengan negara-negara di Borneo.

Jadi, itu sudah *in the pipeline* untuk dipromosi bersama. *In terms of Brunei Darussalam Food Authority (BDFA)*, mungkin *BDFA* bukan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tapi *BDFA* memainkan peranan penting dalam memajukan dan memudahcara perkembangan industri makanan di negara ini.

Walaupun *BDFA* bukan di bawah kementerian 'abiskaola', tetapi *we are working closely with them* dari segi *inspection, ensuring food safety, ensuring food hygiene and training of operators*. Semua dilaksanakan oleh pihak *BDFA* dan mereka juga memberikan *certification*.

Kalau kita hendak *operate business* di sini atau hendak mengeksport, pihak *BDFA* memainkan peranan penting. *They have their standards, which is in compliance with international standard. They have certification that is recognised by other importing authority*.

Jadi, mereka ini memang penting dalam usaha untuk memajukan industri pemakanan. Di samping itu, mereka *working closely* dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menjayakan objektif kementerian.

Itu sahaja 'abiskaola' dapat jawab soalan daripada Yang Berhormat tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya difahamkan bahawa Menteri Kesihatan ingin memberikan beberapa kenyataan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah mengenai dengan *BDFA*. *BDFA* seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, adalah *Brunei Darussalam Food Authority*

yang dahulu di bawah 2 kementerian iaitu Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kemudian ia disatukan sebagai *B DFA* untuk memudahkan orang ramai berurusan. Sebelum *B DFA* ini disatukan sebagai satu badan berkanun mereka ada *board of directors*, ada *CEO* sendiri.

Walau bagaimanapun, kementerian yang bertanggungjawab terhadapnya ialah Kementerian Kesihatan, tapi dalam masa yang sama bekerja rapat dengan *MPRT*. Tujuannya di sini, seperti kaola nyatakan tadi adalah untuk memudahkan cara berurusan. *There is only one enforcement to control the food safety*. Jadi piawaiannya mengikut piawai antarabangsa dan ia tertakluk kepada negara yang dieksport. Ada *certain* negara seperti *European* or *China* dan sebagainya memerlukan *specific test for the food* sebab ia berbeza di sana.

Kementerian Kesihatan melalui *Department Scientific Services* akan memudahkan proses dari segi penganalisaan bahan-bahan kimia atau *trace metals* dan sebagainya.

Selain daripada itu, masa ini ada akta yang sedang digubal mengenai *food safety*. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* mungkin ia akan selesai dalam masa terdekat. Dengan adanya *food safety* yang baru ini, ia akan memastikan semua pengusaha makanan akan mengikut undang-undang yang akan disediakan di bawah *food safety*.

Itu saja kali Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas kenyataan lanjut mengenai *food authority*. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah berkenaan usaha kerajaan bagi membantu Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam menarik pelancong.

Ini dari aspek Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sebagai contoh tadi ada disuarakan berkenaan mempercepatkan pemeriksaan di Lapangan Terbang Antarabangsa. Di Lapangan Terbang Antarabangsa memang terdapat 19 buah kaunter disediakan untuk bahagian masuk dan sistem juga disediakan, iaitu sebanyak 15 sistem termasuk bahagian keluar yang memiliki 12 buah kaunter dan 4 sistem.

Ini akan ditambah dari masa ke masa dari segi tempoh pemeriksaan yang dijalankan bagi setiap penumpang adalah kurang daripada 1 minit. Dari sana, dengan terlaksananya sistem baru *border control* sistem ini memang mempercepatkan proses-proses pemeriksaan keluar dan masuk. Kaola ingin menambah jua dalam membantu bidang pertanian, sebanyak 284 ekar disediakan untuk pengusaha di keempat-

empat buah daerah yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Sebanyak 7 pengusaha di Daerah Brunei dan Muara, 4 di Daerah Tutong dan 5 di Daerah Temburong yang bertujuan untuk membantu dalam bidang-bidang pertanian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya Persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Selamat petang dan salam sejahtera.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah atas mukadimah dan pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Semoga apa yang dibuat akan dapat dicapai. Hala tuju dan inisiatif-inisiatif yang dirancang dapat merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam hal ini, kaola ingin mengetengahkan cadangan untuk penambahbaikan terutama untuk kepentingan sektor pertanian di negara ini. Selaras dengan usaha untuk bersama-sama 'kitani' bertanggungjawab untuk menghayati dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Merujuk Tajuk SH04A, Kod 004/000 pengurusan industri tanaman, ternakan dan agrimakanan. Kaola ingin mencadangkan 2 perkara kepada pihak kementerian. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Meningkatkan penggunaan infrastruktur misalnya inisiatif rumah hijau dapat dilihat untuk menggalakkan penghasilan yang maksimum dengan cadangan untuk melakukan kaedah *mixed crop farming*. Kaedah ini merupakan sistem peladang bagi penanaman berbagai jenis tanaman buah, sayur dan berbagai tanaman dalam satu ladang. *Method* ini bukan saja akan menjimatkan kawasan dan usaha penanaman, tindakan ini juga akan mempercepat lagi produktiviti bagi tanaman yang diusahakan. Walaupun kaola difahamkan terdapat usaha telah dilakukan namun kaola berharap agar pihak kementerian dapat mempelbagaikan lagi penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran dengan memanfaatkan kajian dan dapatan daripada *R&D* yang dilakukan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2. Adakah melibatkan *FDI* seperti yang dikongsi oleh pihak kementerian mengenai penglibatan pihak *FDI* untuk meningkatkan produktiviti. Kaola difahamkan bahawa hanya terdapat senarai *FDI* untuk sektor perikanan yang dikongsi. Dalam hal ini, kaola ingin mengetahui dengan lebih lanjut adakah terdapat perancangan komprehensif, menggalakkan dan menarik perhatian *FDI* dalam sektor pertanian dan perikanan?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh mengenai isu subsidi baja yang diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann pagi tadi. Kaola ingin mencadangkan agar pihak yang berkaitan dapat menggunakan kaedah baja *composting* sebagai satu alternatif yang lebih murah berbanding menggunakan baja *NPK*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara yang kaola telah usulkan itu mempunyai kaitan dengan Tajuk SH04A di bawah Kod 004/000, iaitu berkaitan dengan *Research & Development*. Dengan usaha dan kesungguhannya dari pihak kementerian dalam melaksanakan penyelidikan dan perkembangan dalam sektor pertanian itu setentunya akan memberi kesan yang besar terhadap perkembangan dan kemajuan serta memberi impak positif terhadap penghasilannya nanti.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin menggalakkan pihak yang

berkepentingan untuk sentiasa turun padang ke ladang-ladang sebagai salah satu langkah mandatori. Selain itu, kaola sukacita ingin menyarankan pihak berkaitan untuk mengadakan kolaborasi bersama agensi-agensi berkepentingan seperti *Brunei Innovation Lab* untuk mempelbagaikan teknik dan pendekatan dalam mengembangkan pelaksanaan *R&D* dalam sektor pertanian dan agrimakanan. Oleh yang demikian, kaola berharap agar *R&D* ini dapat terus dilanjutkan dan dipanjangkan secara teratur, berkesan dan dilakukan secara kolaboratif.

Akhir sekali kaola berharap dengan cadangan-cadangan yang diusulkan ini akan dapat memberi manfaat dan dilaksanakan dengan menitikberatkan kerjasama sepadu daripada pelbagai pihak yang berkepentingan melalui kaedah-kaedah dan usaha-usaha demi merealisasikan matlamat-matlamat ke arah pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Lau How Teck berkenaan dengan pertanyaan dan juga cadangan-cadangan.

Berkenaan dengan infrastruktur ladang, memang penumpuan kita masa ini terutama sekali dalam RKN Ke-12 ini, akan menyediakan infrastruktur asas.

Jadi dengan adanya infrastruktur asas seperti yang telah kaola katakan tadi, membolehkan kita menyediakan, *adopt* teknologi-teknologi seperti rumah hijau, boleh meningkatkan lagi usaha kita dengan mengambil *mix cropping* punya *farming*. Ini akan meningkatkan lagi kualiti dan juga produktiviti terutama sekali meningkatkan lagi *value* kepada ladang-ladang tersebut.

Dari segi *FDI*, semua usaha telah dibuat dengan pihak BDEB untuk menarik *FDI* dari segi pertanian, tetapi *it's very challenging* pertanian ini *compared to* perikanan. *اللَّحْمُ دُ يَهُ* telah sudah banyak *FDI* dari luar negeri seperti *Barramundi*, *Hiseaton*, *Pure Fresh*. Pada masa ini *FDI* di bawah pertanian ialah *Superfish* dari Malaysia. Usaha telah dibuat, kaola sendiri telah pun pergi ke Thailand untuk mencari syarikat-syarikat juga. Tetapi *one of the challenges is* mereka mengatakan ladang-ladang kita kecil dan kos tinggi *compared to* negara-negara jiran. Tetapi walau bagaimanapun, usaha telah dibuat untuk menarik pelabur asing melalui pakej-pakej yang disediakan untuk tawarkan kepada syarikat-syarikat yang dikenal pasti *FDI*.

Berkenaan cadangan dengan baja kompos *اللَّحْمُ دُ يَهُ*, kaola bersetuju dengan cadangan tersebut bahawa masa ini konsep *regenerative agriculture* akan di *introduce* kepada negara ini di mana akan mengurangkan lagi, dengan mengambil kira:

1. *Long term benefit* kepada *agriculture, in terms of productivity, in terms of sustainability, in terms of*

environment. Itulah hala tuju pihak Kementerian ini dari segi *agriculture*.

Dengan adanya *regenerative agriculture* akan menggunakan bahan-bahan *organic natural* seperti yang dinyatakan tadi baja kompos, dikurangkan baja *chemical*, ditambah baja kompos. Kerana baja kompos ini lebih mesra alam *compared to* baja-baja *chemical*. Yang Berhormat Awang Lau How Teck juga akan dijemput dengan *leading farmers and see how receptive* ladang-ladang ini berkenaan dengan *proposal* daripada pihak Kementerian akan *adopt regenerative agriculture*.

Berkenaan dengan turun padang seperti tahun lepas kaola nyatakan, kaola *reserve every Saturday* untuk melawat ladang-ladang, sekurang-kurangnya 3 ke 4 ladang untuk dilawat untuk mengetahui apa masalah yang dihadapi, bagaimana kita mengatasi yang mana didapati isu-isu ini, *for example* ada satu ladang pada masa itu untuk mengadakan beraspirasi untuk mengadakan *high technology farm* tapi masalahnya utiliti kurang dan tidak mencukupi.

Dengan cara ini dapatlah pihak-pihak Kementerian dan Jabatan Pertanian mengetahui dan *address* isu-isu tersebut. Itu memang sudah dilaksanakan *every Saturday* sekurang-kurang 3, 4 ke 5 ladang telah dilawati. Tapi ladang ini 1000

lebih, jadi kalau setahun tidak habis untuk dilawati. Jadi dicari di mana *location-location* yang strategik yang dipikirkan penting yang perlu dilawati yang mempunyai isu-isu yang mungkin dapat ditolong dan ditangani. Itu sudah memang menjadi tradisi pihak Kementerian di mana kita turun padang terutama sekali *on Saturday*;

2. *In terms of* kolaborasi dengan pusat-pusat *research*, itu memang sudah dibuat. *For example*, UBD, UTB, UNISSA dan *even international research centre* dan *education centre* untuk mengetahui lebih lanjut lagi berkenaan dengan dapatan-dapatan terkini dari segi pertanian. Itulah sebabnya kita dapat baja, benih-benih yang bagus sekiranya perikanan, padi dan juga *some* jenis-jenis buah-buahan dibawa ke sini disebabkan oleh kolaborasi dengan institusi-institusi *innovation* dan *research* bukan saja dalam negeri dan juga luar negeri.

Itulah jawapan kaola berkenaan persoalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat Awang Lau How Teck. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاخْلُقْ عُقْدَةً
مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas pembentangan belanjawan tahun 2024/2025. Kaola gembira mendengar pencapaian Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan terutama dalam bidang pertanian dan agrimakanan, perikanan dan perhutanan yang meningkat, hasil dari pelan strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kaola berharap pencapaian atau *success stories* dalam satu sektor itu bukanlah *isolated* maksud kaola bukan kejayaan *individual* pengusaha tetapi ia adalah merupakan kejayaan industri itu secara keseluruhan. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, di bawah Rancangan Kemajuan Negara, RKN Ke-12, sejumlah \$230,060,458.00 telah pun diperuntukkan bagi mengukuhkan *security* makanan dengan menyediakan infrastruktur yang sangat diperlukan untuk meningkatkan hasil pertanian dan penternakan secara keseluruhannya.

Kaola berpendapat dengan peruntukan ini, Kementerian boleh mendukung

hasrat peladang dan pengusaha untuk membesarkan perusahaan-perusahaan mereka. Kerana tanpa sokongan pihak kerajaan dari segi pemberian tanah, penyediaan infrastruktur, bekalan tenaga, air dan kewangan sebagainya, mungkin sebahagian peladang tidak berupaya meneruskan perusahaan mereka. Kaola ingin bertanya sama ada dapat diadakan dana bagi membolehkan skim pinjaman bagi peladang-peladang dan mereka yang ingin berkecimpung dalam industri ini.

Seruan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebentar tadi agar anak-anak muda mencebur diri dalam industri pertanian dan penternakan. Ia hanya akan dapat disahuti jika isu kewangan dapat dibantu. Ini bukan saja untuk *seek money* bagi mereka yang baru dalam bidang ini tetapi bagi menampung kemungkinan ladang dan pengusaha yang sudah ada yang mungkin memerlukan bantuan untuk membesarkan perusahaan mereka.

Kaola mengambil maklum apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bahawa kementeriannya komited untuk memajukan industri permakanan. Kejayaan industri ini bergantung kepada beberapa strategi selain daripada *research and development*, pendidikan dan latihan menggunakan mesin-mesin yang baru misalnya penyediaan infrastruktur, *storage facilities* iaitu gedung-gedung dan stor, juga *digital technologies* yang boleh di*apply* untuk memajukan lagi industri pertanian, skim bantuan subsidi dan *grants* adalah juga

penting dan kita hendaklah juga terus komited dan fokus dan tidak *half-hearted* untuk terus menyokong industri ini mungkin kurangnya atau terputusnya dukungan yang kita berikan menjadi punca kurangnya kejayaan kita mempelbagaikan ekonomi sejak kita mengenal perkataan kepelbagaian atau *diversification* di bangku sekolah lagi.

Kaola beralih kepada perindustrian pelancongan. Bukanlah kita bermaksud untuk menandingi mana-mana negeri tetapi industri pelancongan adalah industri yang boleh menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan merangsang ekonomi setempat (*stimulate the local economy*) untuk lebih dinamik. Semua ini diketahui oleh pihak kita dan tentunya pihak kementerian. Tetapi untuk itu kita perlu melabur ke industri pelancongan ini jika kita betul-betul mahu untuk menghidupkan perindustrian ini.

Peruntukan sebanyak \$7,317,350 juta dibawah RKN-12 untuk 5 tahun adalah satu peruntukkan yang kecil sedangkan industri ini boleh menjana pertumbuhan ekonomi yang besar yang memberikan impak kepada seluruh negara, mencetuskan permintaan ke atas *food & beverages, hotel accommodation, transport services, tour guide services* yang kesemuanya boleh mewujudkan pekerjaan. *Repackaging* tanpa pembaharuan tidak akan menarik banyak pelancong.

Kaola ingin bertanya adakah kementerian memikirkan untuk meneliti semula aset-aset yang boleh menarik pelancong seperti *Empire Hotel and Country Club, Jerudong Park Playground, the Royal Regalias*, Muzium Negara, Balai Pameran Khazanah dan juga Masjid Omar Ali' Saifuddien dan Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkhiah diantaranya untuk di *upgrade (rebranding)*.

Kaola merasa adalah sayang jika *Empire Hotel dan Country Club* yang tersergam indah dan disenaraikan dalam *one of the leading hotel* tidak dapat menarik dan tidak diisi dengan banyak pelancong. Kalau dilihat pada masa ini, *its like a shadow of its former self* pulang *Empire Hotel`ani`*.

Padang golf di mana pelbagai *tournament* pernah diadakan kini adalah dalam keadaan yang uzur dan perlu *massive repair* untuk kembali ke zaman kegemilangannya. Adakah pernah difikirkan bersama oleh pihak kementerian dengan agensi-agensi yang berkaitan *DARe* akan bagaimana mendatangkan atau menarik lebih banyak pelancong ke negara ini, untuk mengisi Empire hotel ini. Kalau 'biskaola' bermain golf, dari jauh nampak sepi, ada bangunan yang kosong. Setiap kali melihat, rasa sayang.

Dalam perkara lain, kaola juga ingin mencadangkan kita perlu juga mencari a *new angle* untuk mempromosikan pelancongan di negara ini. Beberapa kali sebelum ini, kita ada menerima kunjungan pelajar-pelajar dari Malaysia,

Singapura dan satu atau dua negara *ASEAN* ke negara ini dan mengikut *feedback* dari rombongan pelajar-pelajar tersebut, mereka seronok datang ke Brunei disambut dengan *our typical Brunei hospitality* yang sudah terkenal. Melawat tempat-tempat yang menarik dan membuat aktiviti yang diluar dari biasa yang mereka alami. Mereka juga merasa tenang dan selamat di negara ini.

Bagi kaola, mungkin ini adalah satu *niche* pelancongan yang boleh kita majukan iaitu menarik pelajar-pelajar dari negara *ASEAN* untuk datang bercuti ke negara Brunei Darussalam. Untuk tujuan ini, pihak Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di negara-negara *ASEAN* melalui Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat dibawa sama untuk mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan bagi pelajar-pelajar *ASEAN*. Pelajar-pelajar ini tidak memerlukan *night club* dan tidak memerlukan hiburan dan tidak memerlukan apa, asal dijaga dengan baik, mereka akan suka datang. *Feedback* daripada pelajar-pelajar yang sudah pernah ke sini, mereka gembira dengan lawatan-lawatan mereka.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kedua industri yang kaola sebutkan; pertanian dan pelancongan melibatkan kementerian-kementerian yang lain sebagai *stackholders*. Adalah penting bagi kesemua kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan sama-sama bertindak dan bergerak sehaluan

dalam mempromosi pertanian dan pelancongan.

Tanpa kerjasama seperti ini, dalam 20-30 tahun akan datang mungkin kita masih lagi akan bercakap mengenai kepelbagaian sedangkan negara lain sudah menikmati hasil kepelbagaian mereka. Akhir sekali yang ingin kaola sampaikan ialah kita telah mengalami banyak *missed opportunity* sebelum ini. Janganlah kita berterusan melakukan apa yang sepatutnya kita lakukan dan berterusan melepaskan peluang untuk memajukan negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.*

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima Kasih. Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berkenaan dengan komen dan juga soalan yang diajukan tadi.

Berkenaan dengan dana untuk peladang-peladang terutama sekali yang sudah ada, *I think* ani boleh 'abiskaola' rundingan dengan pihak-pihak berkenaan. Memang diakui bahawa kebanyakannya dana-dana dan skim masa ini ialah *very much* fokus kepada belia dan *follow through* dananya itu ke sana. Tetapi bagi ladang-ladang yang sedia ada, akses yang 'bisdurang' ada melalui konvensional bank, ataupun semua Bank Usahawan, 'barangkali'

boleh 'abiskaola' akan meneliti lagi dengan lebih lanjut berkenaan keperluan *expansion programme* for ladang-ladang yang sedia ada juga dengan agensi-agensi yang terlibat *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Memang skim, *grants* dan *subsidies* ini memang ada dan masih lagi *important*. *I think* memang masih lagi, *there's no plan for the time being* untuk distop jadi *we still carry on until certain* keluaran sudah mencukupi untuk sara diri syarikat tersebut, mungkin baru kita memulakan *review* sebarang bantuan yang ada.

Dari segi pelancongan, sebenarnya seperti yang kaola nyatakan tadi, 'abiskaola' sedang mengumpulkan *inventori* dari segi *asset* dan juga aktiviti pelancongan di negara ini. Sebanyak 200 lebih sudah *asset* dan aktiviti-aktiviti yang telah dikumpulkan dan di mana 'abiskaola' *actively engaging this particular area and asset* dan juga aktiviti ini, macam mana membuat perundingan dengan mereka *in term of* meningkatkan tahap kualiti dan juga aktiviti kekerapan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mereka, termasuk juga dengan aset-aset seperti hotel dan juga bangunan-bangunan menarik dan bersejarah.

Dari segi *Empire Hotel*, *I think* masa ini kalau tidak silap, memang *Empire Hotel* sedang *undergoing rejuvenation in phases* terutama sekali *golf coursenya* *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dalam masa setahun dua projek ini akan siap dan *Empire Hotel* akan berkolaborasi dengan Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mempromosikan *Empire Hotel* sebagai tarikan kerana

seperti diakui semasa di *Singapore, Korea, Japan everybody wants Empire Hotel to be involve*, jadi memang diakui bahawa ini satu daya tarikan yang penting *إِنْ شَاءَ اللَّهُ upgrading* dan juga *refurbishment itu will be done in phases*.

Dari segi mengambil sudut pelancongan seperti Yang Berhormat Pehin nyatakan berkenaan dengan pelajar-pelajar memang sudah 'abiskaola' rundingkan kerana *one of the biggest tourism* aktiviti ialah *education tourism*. Pihak kementerian telah membuat perundingan dengan ejen-ejen di Singapura, ada dua atau tiga orang ejen yang dikhaskan untuk membawa pelajar-pelajar keluar negeri dan mereka telah menghentikan aktiviti selepas *COVID-19* dan sekarang mereka memulakannya semula Bulan lepas pihak kaola telah pun membuat perundingan dengan ejen-ejen yang bertanggungjawab untuk *student tourism* ini untuk datang ke Brunei, untuk berunding dengan agensi-agensi yang berkenaan untuk *facilitate* lebih ramai pelajar-pelajar Singapura ke Brunei.

Di samping itu juga dilaratkan kepada negara-negara jiran 'kitani' yang lain untuk membolehkan mereka membawa pelajar ke Brunei. Memang diakui seperti Yang Berhormat Pehin nyatakan Brunei *is a safe and clean place* dan sesuai untuk pelajar. Program ini akan diaktifkan semula bukan sahaja dari Singapura malah juga dari negara-negara jiran malah ke Jepun. Malah semasa ekspo Jepun *we have met* syarikat-syarikat yang bertanggungjawab dengan *student*

tourism untuk bekerjasama dengan *tourism* Brunei dan Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa lebih ramai pelajar daripada Jepun, Korea, Singapura dan negara jiran lain untuk datang ke Brunei sebagai *safe, interesting and clean destination*.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin atas saranan itu. Memang sudah 'abiskaola' usahakan. Yang terakhir adalah *missed opportunity*, usaha-usaha memang dilakukan. Memang diakui bahawa *tourism* ini aktiviti yang penting yang memberi *spin-off* kepada ekonomi lain, memberikan *employment* kepada tempatan.

Jadi *we still strive to work hard, collaborating* dengan *ministry* dan agensi lain dan juga untuk dikukuhkan lagi dari segi infrastruktur, *service* untuk promosi *tourism*. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* Yang Berhormat Pehin. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup sekian kita berunding dalam Jawatankuasa maka saya cadangkan kita beralih balik kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin

mencadangkan persidangan kita ini kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula pada hari Rabu, 6 Mac 2024 iaitu esok hari mulai pada pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)